

CNS3893

R GB 12-08 00170 BH547

Bah

MAHATHIR BIDAS NEGARA BARAT KERANA MENGAMALKAN SIKAP PILIH KASIH

Mahathir (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas sesetengah negara Barat kerana mengamalkan sikap pilih kasih dalam tindakan mereka terhadap negara-negara tertentu, termasuk Malaysia, yang kononnya melanggar hak-hak asasi manusia.

Perdana Menteri berkata negara-negara itu bersedia untuk bertindak terhadap Malaysia jika mereka mendapati hak-hak asasi manusia di sini dicabul tetapi mereka tidak berbuat demikian di Bosnia-Herzegovina.

+Kita mendapati pencabulan hak-hak asasi ini berlaku di Israel dan sekarang di Bosnia...tetapi mereka nampak memilih-milih sedikit (dalam pencabulan hak di kedua-dua negara ini),+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Ibu Pejabat Umno di sini malam ini.

+Mereka (negara-negara Barat) selalu berkata mereka berhak campur tangan dalam urusan mana-mana negara kalau hak-hak asasi manusia dicabul di negara berkenaan,+ katanya.

Tetapi, kata Dr Mahathir, negara-negara Barat itu gagal mengambil sebarang tindakan untuk memberhentikan pencabulan hak-hak asasi manusia yang berlaku berleluasa di Bosnia sekarang. -- Lagi

▼12/08/00-39MST

CNS3895

R GB 12-08 00136 BH548

Bah

Mahathir 2 Kuala Lumpur

+Kita kesal dengan tindakan mereka (negara-negara Barat)... rakyat Bosnia berhak untuk hidup bebas di negara mereka,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, negara-negara Barat dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak perlu bertelagah sesama sendiri untuk menentukan siapa yang patut mendahului dalam usaha membawa keamanan di Bosnia.

+Sama ada Eropah atau PBB yang perlu ambil tindakan dahulu tidak penting... apa yang penting ialah siapa yang berkebolehan atau mampu haruslah mengambil tindakan untuk meringankan beban rakyat Bosnia,+ kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, mengumumkan bahawa Majlis Tertinggi Umno telah memutuskan untuk membenarkan pegawai-pegawai khas penerangan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bertanding merebut jawatan dalam Umno.

Pegawai-pegawai berkenaan dibenarkan untuk menjadi anggota UMNO kerana mereka hanya pegawai-pegawai kontrak, bukan pegawai kerajaan, katanya. -- Lagi

▼12/08/00-48MST

CNS3896

R GB 12-08 00072 BH549

Bah

Mahathir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata Majlis Tertinggi Umno telah menerima keanggotaan bekas pemimpin Semangat 46 Johor, Datuk Haji Ali Raya.

Beliau berkata Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional akan diadakan di Tawau, Sabah pada 16 Sept ini.

Katanya lagi, Perhubungan Umno Negeri akan diminta mengadakan Konvensyen Umno Negeri manakala pemilihan di peringkat bahagian bagi tahun depan akan terus dijalankan. -- Bernama

▼12/08/00-51MST